JABATAN AIR SABAH

NOTIS PANGGILAN KURSUS DAN PENILAIAN KOMPETENSI
LESEN PEMASANG PAIP DAN LESEN PEMASANG SESALUR BAGI TAHUN 2027
(PERMOHONAN BAHARU)

PENGENALAN

- Pemohon adalah dipelawa daripada orang ramai yang berkelayakan untuk menyertai Kursus dan Ujian Pemasang Paip dan Pemasang Sesalur bertujuan untuk mendapatkan Lesen Pemasang Paip (LPP) dan Lesen Pemasang Sesalur (LPS) Jabatan Air Sabah (JA).

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia
- Berumur 18 tahun hingga 59 tahun
- Sihat tubuh badan (laporan perubatan)
- Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Kemahiran yang berkaitan atau sekurang-kurangnya **10 tahun pengalaman kerja dalam bidang perpaipan** (hendaklah disahkan oleh JA Sabah atau majikan)
- Kakitangan yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Negeri/Persekutuan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk memohon

SENARAI DOKUMEN DIPERLUKAN

- 2 keping gambar berukuran *passport*
- Salinan Kad Pengenalan (disahkan oleh JPN)
- Laporan Kesihatan (Hospital Kerajaan @ Swasta)
- Salinan Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Kemahiran (yang telah disahkan)
- Rekod / pengalaman kerja dalam bidang perpaipan (disahkan oleh pihak JA Sabah atau majikan)

JENIS UJIAN

- Bertulis dan amali / praktikal

*Sila bawa peralatan pertukangan sendiri

YURAN KURSUS	PENGELUARAN LESEN
Lesen Pemasang Paip (LPP) **RM 1,800.00** **Lesen Pemasang Sesalur (LPS)** **RM 2,500.00**	• Bayaran bagi pengeluaran LPP ialah **RM 500.00** • Bayaran bagi pengeluaran LPS ialah **RM 1,000.00** *Lesen Pemasang Paip dan Lesen Pemasang Sesalur hanya akan dikeluarkan selepas peserta lulus ujian.

BORANG PERMOHONAN

- Boleh didapati di Kaunter Cawangan Pelesenan Ibu Pejabat II, Jabatan Air Sabah (Putatan) dan Laman Web Rasmi Jabatan Air Sabah (https://water.sabah.gov.my).
- Borang yang telah lengkap diisi beserta dengan dokumen sokongan boleh diserahkan di Kaunter Cawangan Pelesenan Ibu Pejabat II, Jabatan Air Sabah (Putatan).
- Tarikh tutup penghantaran borang permohonan adalah **sebelum** atau **pada** 13 November 2026.

Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan kami di talian :
- **088-778430 (Kaunter Cawangan Pelesenan)**